

No. Tender : APL/10/15/01(04)

### KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN ASET ALIH

1. Tender adalah dipelawa kepada pihak yang layak/ berminat untuk membeli Aset Alih seperti berikut:-

| Bil. | Keterangan aset                                                                                  | *No. Pendaftaran Kenderaan | Kuantiti | Harga Simpanan |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|----------|----------------|
| 1.   | ANTENNA PARABOLIC / DIRECT BROADCAST DATA SYSTEM FROM X-BAND AND L-BAND METEOROLOGICAL SATELLITE |                            | 1        | RM 100.00      |

\* Nota : Bagi yang berkaitan sahaja.

2. Aset boleh dilihat pada 27 November 2024 dan / hingga 11 Disember 2024 di antara jam 10 pagi hingga 3 petang seperti di ketentuan berikut:

#### Lokasi Aset Alih Kerajaan :

Blok C,  
Ibu Pejabat Jabatan Meteorologi Malaysia,  
Jalan Sultan,  
46667 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

#### Pegawai yang boleh dihubungi:

En. Mohd Alias Bin Hussin  
03-79678156  
(sesi lawatan)

3. Tawaran boleh dibuat dengan menggunakan Borang Tender Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 5. Tempoh sah laku tawaran adalah 90 hari bagi tender tempatan atau 120 hari bagi tender antarabangsa bermula dari tarikh tender ditutup.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. tender APL/10/15/01(04) dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:

**JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA**  
**Jalan Sultan, 46667 Petaling Jaya,**  
**Selangor Darul Ehsan.**

5. Tender akan ditutup pada 11 Disember 2024 jam 12.00 tengah hari.

  
.....  
( Tandatangan Ketua Jabatan )

Alamat : Jabatan Meteorologi Malaysia  
Jalan Sultan,  
46667 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 25 November 2024

Cap : **DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP**  
**KETUA PENGARAH**  
**JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA**

## SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN TENDER

1. Aset Alih akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Petender adalah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau tertakluk kepada maksimum RM10,000. Deposit Tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank/ Jaminan Bank atas nama **Jabatan Meteorologi Malaysia**
3. Tawaran tanpa/kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset alih adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset alih yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset alih seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, cukai duti import dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran penuh tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
8. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset alih tersebut.